



"ORANG YANG BERSAMA RASULULLAH S.A.W DALAM SYURGA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya menyeru diri saya dan para hadirin sekalian agar sama-sama kita sentiasa berusaha meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Kerana sesungguhnya orang yang berjaya di akhirat kelak hanyalah mereka yang benar-benar bertakwa kepada Allah SWT.</p>	5
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Kita baru sahaja meninggalkan Bulan <i>Rabiulawal</i>. Gema selawat mengingati Rasulullah SAW masih lagi terngiang-ngiang di telinga kita. Bulan mulia yang mengajak kita mengimbuai kembali sejarah kelahiran dan perjuangan Nabi Muhammad SAW, nabi yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Sesungguhnya hidup berdampingan Nabi SAW merupakan nikmat yang terindah. Namun lebih indah lagi bagi sesiapa yang dapat berdampingan Rasulullah SAW pada hari akhirat kelak.</p>	6
<p>Hadirin sekalian,</p> <p>Khatib mengajak para jemaah sekalian, untuk sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk "ORANG YANG BERSAMA RASULULLAH SAW DALAM SYURGA."</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	7

¹ Al-Nisa : 69.



<p>Dr Mehran Mahir Othman dalam satu makalah ilmiahnya telah menyenaraikan lapan golongan orang yang beriman yang akan dapat mendampingi Rasulullah SAW dalam syurga pada hari akhirat kelak. Keistimewaan tersebut bukanlah diperolehi secara percuma, malah ia merupakan ganjaran keatas amalan yang mereka lakukan semasa hidup di dunia ini.</p>	8
<p>Antara golongan yang akan dapat mendampingi Rasulullah SAW pada hari akhirat kelak ialah mereka yang sentiasa mengikuti dan taat kepada perintah Allah dan rasul-Nya dalam kehidupan mereka. Mereka yang memastikan seluruh kehidupannya bertepatan dengan Syariat Allah SWT dan sunnah Nabi SAW.</p>	9
<p>Imam al-Tabarani dalam kitabnya <i>al-Mu'jam al-Kabir</i> telah meriwayatkan daripada Ibn Abbas Radhiallahu Anhu bahawa seorang sahabat telah mengadu kepada Rasulullah SAW tentang kebimbangannya tidak dapat lagi bersama baginda dalam syurga kelak. Berkaitan dengan kebimbangan ini maka Allah SWT menurunkan ayat 69 daripada surah al-Nisa'. Firman Allah SWT:</p> <p>وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾</p>	10
<p><i>"Dan barangsiapa yang mentaati Allah dan Rasul(Nya), mereka itu akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah, iaitu: Nabî-nabî, para Siddiqin, orang-orang yang mati syahid, dan orang-orang saleh, dan mereka itulah teman yang sebaik-baiknya."</i></p>	11
<p>Golongan yang kedua yang akan dapat mendampingi Rasulullah SAW dalam syurga nanti ialah mereka yang cinta kepada Rasulullah SAW. Cinta yang dimaksudkan di sini ialah cinta yang membawa seseorang itu mengikuti dan mencontohi Rasulullah SAW dalam kehidupan hariannya. Iaitu cinta yang pernah ditunjukkan oleh para sahabat Radhiallahu Anhum terhadap Baginda Rasulullah SAW. Bukanlah seperti cinta Abu Talib terhadap baginda atau cinta orang-orang Yahudi dan Nasrani terhadap nabi-nabi mereka.</p>	12



<p>Hadis daripada Anas bin Malik Radhiallu Anhu bahawa seorang sahabat telah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang hari kiamat. Maka Baginda bertanya kembali tentang persiapannya bagi menghadapi hari tersebut. Dia menjawab tiada suatupun persiapanku kecuali cintaku yang mendalam kepada Allah dan Rasul-Nya. Mendengar jawapan tersebut maka Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">أَنْتَ مَعَ مَنْ أَحْبَبْتَ</p> <p style="text-align: center;"><i>"Kamu akan bersama dengan sesiapa yang engkau cintai."</i> (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</p> <p>Muslimin, hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian!</p>	13
<p>Golongan lain yang juga akan dapat mendampingi Rasulullah SAW di akhirat kelak ialah orang yang banyak mendirikan solat. Solat yang didirikan itu bukan terbatas kepada solat-solat fardu sahaja, bahkan ditambah dengan pelbagai solat sunat yang disyariatkan sama ada malam ataupun siang.</p>	14
<p>Rabi'ah bin Ka'ab al-Aslami pernah bermalam bersama Rasulullah SAW dan membantu menyediakan air wuduk dan keperluan Baginda. Pada malam tersebut Rasulullah SAW menawarkan kepada Rabi'ah untuk meminta apa-apun permohonan kepada Baginda. Rabi'ah Radhiallahu Anhu hanya memohon satu perkara sahaja daripada Rasulullah SAW iaitu memohon untuk bersama Rasulullah SAW dalam syurga kelak. Setelah mendengar permohonan itu lantas Baginda bersabda:</p> <p style="text-align: center;">فَاعِنِّي عَلَى نَفْسِكَ بِكَثْرَةِ السُّجُودِ.</p> <p style="text-align: center;"><i>"Oleh itu bantulah aku untuk mencapai permintaanmu itu dengan memperbanyakkan sujud yakni solat."</i> (Riwayat Muslim).</p>	15
<p>Selain daripada memperbanyakkan solat, umat Islam juga diperintahkan supaya sentiasa berdoa kepada Allah SWT. Antara doa yang ma'thur yang diamalkan oleh Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq Radhiallahu Anhu ialah seperti yang diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud Radhiallahu Anhu dengan doanya:</p> <p style="text-align: center;">اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ اِيْمَانًا لَا يَرْتَدُّ، وَنَعِيْمًا لَا يَنْفَدُ، وَمُرَافَقَةً مُّحَمَّدٍ فِيْ اَعْلَى جَنَّةِ الْخُلْدِ</p>	16



<p><i>"Ya Allah aku memohon kepada Engkau keimanan yang tidak akan murtad, kenikmatan yang tidak terputus dan bersama Nabi Muhammad SAW di puncak Syurga al-Khuldi."</i></p> <p><i>(Riwayat Ahmad).</i></p>	17
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian!</p> <p>Seseorang yang sentiasa menghiasi pergaulan hariannya dengan akhlak yang mulia dan terpuji juga adalah antara golongan yang akan mendapat kedudukan yang hampir dengan Rasulullah SAW pada hari kiamat kelak.</p>	18
<p>Sebuah hadis daripada Jabir Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>إِنَّ مِنْ أَحَبِّكُمْ إِلَيَّ، وَأَقْرَبِكُمْ مِنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ، أَحَاسِنُكُمْ أَخْلَاقًا</p>	19
<p><i>"Sesungguhnya antara orang yang paling aku cintai dari kalangan kamu dan orang yang paling hampir kedudukannya dengan aku pada hari kiamat kelak ialah orang yang paling baik akhlaknya."</i></p> <p><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	20
<p>Begitu juga orang yang lidahnya sentiasa basah dengan zikir selawat ke atas Nabi SAW akan mendapat kemuliaan dengan mendapat syafa'at dan kedudukan yang istimewa bersama Nabi SAW pada hari kiamat kelak.</p>	21
<p>Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu Anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ عَلَيَّ صَلَاةً</p> <p><i>"Orang yang paling utama bersamaku pada hari kiamat kelak ialah orang paling banyak berselawat ke atasku."</i></p> <p><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	22



<p>Antara orang yang dijanjikan dapat mendampingi Rasulullah SAW dalam syurga pada hari akhirat kelak ialah orang yang menjaga dan menguruskan kehidupan anak yatim. Memberi kasih sayang kepada mereka, memastikan mereka membesar dengan mendapat pendidikan yang sempurna sehingga mereka dapat hidup berdikari.</p>	23
<p>Sahal bin Sa'ad Radhiallahu Anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>وَأَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا، وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ وَالْوُسْطَى وَفَرَّجَ بَيْنَهُمَا</p>	24
<p>"Aku dan orang yang menjaga anak yatim dalam syurga nanti seperti ini. Nabi SAW mengisyaratkan dengan jari telunjuk dan jari tengah serta membuka-buka kedua-duanya."</p> <p>(Riwayat al-Bukhari).</p>	25
<p>Oleh itu marilah para jemaah sekalian sama-sama kita merenung sejenak dan muhasabah diri di manakah kedudukan kita di akhirat kelak. Sama-samalah kita memperbaiki amalan soleh kita semoga kita memperolehi ganjaran mendampingi Rasulullah SAW dalam syurga Allah SWT di akhirat kelak.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian!</p>	26
<p>Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini marilah kita mengambil pengajaran dan panduan daripada tausiah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam mestilah beriman dan yakin dengan ganjaran syurga yang disediakan oleh Allah SWT untuk orang-orang yang beriman dan beramal dengan ajaran Nabi Muhammad SAW.2. Umat Islam hendaklah sentiasa menanamkan kerinduan untuk bersama-sama Rasulullah SAW dalam syurga pada hari kiamat kelak.3. Ganjaran berdampingan dengan Rasulullah SAW di hari kiamat kelak tak akan dapat dicapai kecuali dengan melaksanakan semua perintah Allah SWT dan mengikuti sunnah Nabi Muhammad SAW.	27
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ</p>	28



<p><i>"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."</i></p> <p><i>(ail-Imran : 31)</i></p>	29
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	31



KHUTBAH KEDUA

<p>1</p> <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	<p>1</p>
<p>2</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	<p>2</p>
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar...</p>	<p>3</p>
<p>menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam....</p>	<p>4</p>
<p>.... Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:</p>	<p>5</p>
<p>6</p> <p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	<p>6</p>
<p>7</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	<p>7</p>
<p>8</p> <p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	<p>8</p>



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>	9
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِّ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ</p>	10
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat,</p>	13
<p>lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah dan Hizbut Tahrir, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</p>	14
<p>Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	15



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	16
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	17
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	18